

Penindasan-penindasan Sukarno Kepada Umat Aceh Lebih Hebat Dari Penjajahan

Apabila umat Aceh mengisytiharkan dirinya sebagai negara Islam, menuntut apa yang dijanjikan Sukarno kepada Daud Beureu'eh, maka Sukarno terus menggempur pemberontakan Islam di Aceh dengan menggunakan suku-suku daerah dengan perintah-perintah yang keras menindas pemberontakan itu dengan suatu kezaliman yang luar biasa. Di dalam buku "*Kegagalan Mr. Amin*" ada meriwayatkan kezaliman-kezaliman tentera Sukarno yang lebih dahsyat daripada kezaliman penjajah. Bacalah kisahnya di bawah ini:

Jika dalam buku kecil ini penulis gambarkan kekejaman alat negara kita dalam peristiwa Aceh yang sedang berkecamuk itu, sejak dari mula sampai saat ini, sungguh terlalu panjang dan menghendaki ratusan halaman yang tersendiri.

Hal-hal ini biarlah sejarah sendiri yang menentukannya. Dalam buku ini hanya akan dijelaskan kekejaman-kekejaman yang luar biasa yang telah dilakukan terhadap rakyat Aceh seumumnya.

Dengan melakukan kekejaman-kekejaman terhadap rakyat Aceh yang hendak dijajahnya, Sukarno berharap rakyat akan jadi takut dan lekas tunduk menyerah dan mentaati segenap keinginannya¹.

Kita lihat di sana sini di seluruh Aceh, alat negara yang beroperasi (menjalankan tugasnya), berpatrioli melakukan penggarongan terhadap harta benda penduduk, dari berlian hingga ke telur ayam dari barang yang semahal-mahalnya hingga yang semurah-murahnya.

Beribu-ribu rumah rakyat yang telah dibumihanguskan. Kelakuan kejam Sukarno itu disampaikan oleh radio dan surat khabar-surat khabar kepada seluruh rakyat Indonesia dan dunia luar sebagai kekejaman pemberontak. Padahal bermilion-milion mata rakyat sendiri melihatnya bahawa tangan yang mencetuskan api di seluruh Aceh ialah tangan alat negara kita sendiri dan bukan pemberontak.

Memang pemberontak² sendiri ada melakukan siasah bumi hangus yang sesuai dengan siasah perang gerila mereka. Yang menjadi sasaran mereka ialah jalan-jalan kereta api, jambatan-jambatan, alat-alat perhubungan dan jalan-jalan raya. Juga rumah-rumah kakitangan atau pengkhianat-pengkhianat agama dan perjuangan. Malah hartanya pun, jika perlu dan dibenarkan oleh agama akan dirampas.

Beratus-ratus macam keganasan alat pemerintah yang telah dilakukan ke atas rakyat Aceh yang tidak mendapat perhatian surat khabar-surat khabar dan radio atau sengaja mereka mendiamkan diri terhadap keganasan dan kekejaman tersebut yang telah melampau batas kemanusiaan.

Sebagai contoh kita paparkan di sini satu kejadian di kantor K.M.K. Kuta Raja, di bawah pimpinan Saiman Lempenant³ kedua.

Di sini rakyat yang ditangkap ditelanjangi, dipukul dan didera. Kemudian dipermain-mainkan diperhina-hinakan dengan disuruh memegang kemaluan rakan-rakannya.

Sementara itu rompak dan bunuh telah menjadi satu kemestian bagi alat negara Pancasila ini. Hampir seluruh negeri dan kampung yang mereka masuki telah menderita perompakan, pembunuhan dan perkosaan. Satu dari beberapa bukti adalah sebagai yang dilakukan oleh Kompeni Tiga Batalion B. Peudada, di Alur Ketapang, di mana seorang wanita bernama Samidan, Tjut Krm dan Siti Zamana Tambo⁴, telah menjadi korban perkosaan.

² Perkataan sebenar ialah pemberontak.

³ Perkataan sebenar ialah 'Saiman Letnan' menurut buku *Rahasia Pemberontakan Atjeh dan Kegagalan Politik Mr. S.M. Amin*, 1956 terbitan Kutaradja. Selepas ini disebut *Rahasia pemberontakan*.

⁴ Perkataan sebenar ialah 'Siti Aj. Mns. Tambo' menurut buku *Rahasia Pemberontakan*.

¹ Perkataan sebenar ialah keinginannya.

Selain daripada perkosaan dan perompakan-perompakan berlaku kekejaman-kekejaman.

Telah menjadi pembicaraan ramai di Kuta Raja, bahawa tawanan-tawanan yang diperkosa, yang tidak mahu mengaku lalu diletrikkan sampai ke kemaluannya. Perbuatan kejam ini bukan sahaja dilakukan pada lelaki tetapi juga terhadap wanita-wanita. Salah seorang wanita yang telah mengalami nasib buruk seperti itu ialah Sa'diah isteri M. Husin, Kampung Lam Lubok, Inderapuri.

Peristiwa lain yang maha mengerikan telah pula berlaku di Rosep wilayah Takenong⁵. Dalam satu operasinya tentera Pancasila telah menangkap rakyat lelaki dan perempuan dan dikumpulkan di salah satu tempat. Kemudian Radja Mutalib, yang dituduh sebagai gerombolan telah diikat kaki di tangannya dan dipukul. Kemudian dengan disaksikan oleh rakan-rakannya lelaki perempuan, tubuh Radja Mutalib disayat-sayat sebagai orang menyayat daging di rumah potong haiwan.

Dalam satu operasi lain ke Keude Krueng, kecamatan Kuta Makmur, kawedanan⁶ Lhokseumawe, delapan orang penduduk yang sedang duduk-duduk di kaki lima kedai Blang Krumeng⁷ ditangkap. Kemudian berbaris dan kemudian ditembak dengan *Stend gun*⁸, sehingga kedelapan orang itu syahid, di antara yang syahid tersebut terdapat dua orang kanak-kanak di bawah umur.

Kekejaman oleh anggota tentera Pancasila di daerah Lhokseumawe sejak berlakunya pemberontakan sungguh di luar perikemanusiaan. Di salah satu operasinya di Baree dan Tjeut Matahe dan Buloh Blang Ara, tidak kurang 500 buah rumah telah dibakar, lebih dari 50 tan padi yang dibakar. Tatkala mereka adakan operasi lagi selain penduduk-penduduknya dianiaya juga telah ditangkap tiga orang yang bernama; Amin Blang Peria⁹, Geodong, Bas Peukan Punteuet dan Otoh Husin Blang Peria Geudong. Ketiga mereka setelah disuruh berbaris dalam satu barisan kemudian ditembak sampai mati.

Seseorang bernama Mandur Gadenga Djungka Gadjah¹⁰ setelah ditangkap, rumahnya dibakar. Ia ditembak kemudian dilempar ke dalam api.

Pernah alat-alat pemerintah yang kejam dan tidak berperikemanusiaan itu memasukkan sumbu-sumbu yang telah ditaruh benzin pada lubang-lubang anggota para tawanan dan kemudian sumbu-sumbu tersebut dibakar.

Pernah juga, sekadar untuk memuaskan hati, alat pemerintah menyuruh para tawanan bertelanjang yang kemudian disuruh berbaris seperti para pengambil bahagian di dalam peraduan tubuh cantik.

Ada juga para tawanan yang ditawan di dalam sumur-sumur sebagaimana yang pernah dilakukan oleh batalion Srivijaya yang berpos di Lueng Putu, Sigli.

Pembunuhan-pembunuhan kejam yang tidak berperikemanusiaan terus-menerus dilakukan terhadap penduduk sebagai yang berlaku di Aue Drin¹¹, Geuleuding Padang Tiji. Empat orang penduduk masing-masing Usuh H. Him. Amat Karim, Nja'Him Djurong Puoek dan Tengku Mut Krep, telah ditembak mati dan kemudiannya mata mereka dicungkil.

Sementara itu satu peristiwa berdarah yang terbesar yang dianggap sebagai peristiwa *Westerling* Indonesia telah berlaku di Pulot Tjot Djeumpa di Kuta Raja, di mana¹² 116 orang tani dan nelayan telah ditangkap dan dibunuh sekali gus. Dunia internasional tercengang mendengar kekejaman pemerintah Sukario¹³. Surat khabar dalam dan luar negeri menyiarkan berita kekejaman dan keganasan itu dengan jolokan *Westerling* kedua di Indonesia. Baik *parliament* sementara mahu pun pemerintah Ali di waktu itu tidak membuat penyelesaian XXX¹⁴. Malam¹⁵ persoalan hangat itu hilang begitu sahaja.



⁵ Perkataan sebenar ialah Takengon.

⁶ Bahasa Jawa, bermaksud wilayah pemerintahan.

⁷ Perkataan sebenar ialah 'Blang Krueng' menurut buku *Rahasia Pemberontakan*.

⁸ Perkataan sebenar ialah *Sten gun*.

⁹ Perkataan sebenar ialah 'Amin B. Peria' menurut buku *Rahasia Pemberontakan*.

¹⁰ Perkataan sebenar ialah 'Mandur Gadeng Jangka Gajah' menurut buku *Rahasia Pemberontakan*.

¹¹ Perkataan sebenar ialah Alue Drin.

¹² Perkataan sebenar ialah di mana.

¹³ Perkataan sebenar ialah Sukarno.

¹⁴ Perkataan sebenar tidak jelas.

¹⁵ Perkataan sebenar ialah malah.